

BAB PERTAMA:

PENDAHULUAN

1.0. Pengenalan

Bahasa Arab merupakan bahasa kedua terpenting kepada umat Islam yang bukan Arab di seluruh dunia selepas bahasa ibunda masing-masing. Ia dituturkan oleh semua umat Islam di timur atau barat, utara atau selatan. Mereka menuturkannya secara sedar atau tidak dalam amalan-amalan ibadat seperti sembahyang, tahlil, doa dan zikir.

Di Malaysia khususnya, pengaruh bahasa Arab dalam bahasa Melayu boleh dilihat dengan ketara sama ada dalam bentuk penulisan dan percakapan. Umat Islam dalam keadaan ini seolah-olah dimestikan menggunakan bahasa Arab dalam kehidupan seharian. Sebagai contoh bahasa pinjaman yang menjadi sebutan dan perkataan rasmi seperti ‘kitab’ dengan makna buku, ‘kursiy’ dengan makna kerusi, ‘musabaqah’ dengan makna pertandingan dan lain-lain.

Menyedari betapa pentingnya bahasa Arab di pelajari , maka ramai yang cuba untuk mempelajari dan menguasai bahasa Al-Quran al-Karim lebih-lebih lagi selepas tragedi 11 September 2001. Masyarakat barat sendiri berasa tertanya-tanya kenapakah barat sangat anti kepada umat Islam Arab. Lantaran itu mereka ingin mengenali agama Islam secara lebih dekat dengan cara mempelajari bahasa Arab.

Sebagaimana yang diketahui umum, bahasa Arab mempunyai tiga komponen yang penting iaitu ism, fi'l dan harf (kata nama, kata kerja dan kata sendi). Memandangkan kepada kesukaran dan kepentingan tajuk fi'l difahami, penulis cuba

mencari punca-punca permasalahan yang timbul, disamping mendedahkan keperluan, pembaikan dan cadangan.

Dalam bab yang pertama ini penulis akan cuba menghuraikan maksud sebenar tajuk kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian dan metodologi kajian. Penulis juga akan cuba meninjau kajian lepas yang ada kaitan dengan tajuk perbahasan.

1.1. Tajuk Kajian.

Tajuk kajian ini ialah “Penguasaan Kata Kerja Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah” dan ia merupakan satu kajian lapangan. Kajian ini akan melibatkan kemahiran asas responden dalam menggunakan kata kerja mengikut kaedah nahu dari sudut masa dan bilangan, imbuhan dan makna, huruf illah serta objek, ja:mid dan mutasarrif, sahih dan mu tal serta penggunaan kata kerja ma:di, muda:ri’ dan amr, penukaran kata kerja dari satu pola kepada pola yang lain dan kata kerja yang lima.

Seandainya kemahiran ini dapat diterapkan dalam pengajaran guru-guru, sudah tentu ia akan membawa hasil yang cukup cemerlang. Lantaran itu penulis telah mengambil kira kemahiran-kemahiran ini sebagai kayu pengukur kepada tahap penguasaan pelajar ketika mempelajari KK bahasa Arab.

1.2. Pernyataan Masalah

Pengalaman penulis selama hampir enam tahun sebagai guru bahasa Arab sekolah menengah Ugama (Arab) di bawah kelolaan Yayasan Islam Kelantan menarik penulis untuk menulis satu tesis pengajian di bawah tajuk penguasaan kata kerja.

Penulis pernah berkhidmat di empat buah sekolah iaitu SMU (A) Ahmadiah Banggol Judah, SMU (A) Saniah Pasir Puteh, SMU (A) Darul Aman Kok Lanas sebagai Pengetua dan SMU (A) Syamsul Maarif (L) Labok, Machang. Rata-rata masalah yang di hadapi oleh pelajar ialah subjek nahu, khususnya dalam memahami tajuk kata kerja.

Sebahagian besar pelajar belum menguasai penggunaan kata kerja. Permasalahan timbul ekoran daripada kaedah-kaedah yang terdapat dalam kata kerja dan pengecualian dari kaedah itu sendiri, menyebabkan kaedah yang asal mengelirukan pelajar-pelajar (intralingual problem). Sebagai contoh, perkataan () yang mana merupakan KKL. Apabila ditukar pada KKK sepatutnya berbunyi () kerana wazannya () tetapi ianya dibaca ().

Jadual 1.1: Perbezaan bunyi pola teori dan pola amali.

Pola		yaf	u	lu
Teori		yas	wu	mu
Amali		ya	su	mu

Jadual 1.1 adalah penjelasan bagaimana kaedah itu berubah di sebabkan faktor-faktor tertentu. Faktor-faktor ini menjadi topik utama dalam perbahasan ilmu Sarf (Kaedah Morfologi BA).

Di samping itu, sikap sambil lewa khususnya di kalangan pelajar dalam mempraktikkan kaedah yang dipelajari juga menyumbang kepada masalah penguasaan KK. Sebagai contoh dalam ayat , sepatutnya perkataan

disebut dengan . Mereka lupa untuk menukar ganti nama pada kata kerja. Kaedah ini di sebut oleh S. Pit Corder (1977: 270-272), sebagai permasalahan “ Pos Sistematik ”, iaitu pelajar telah memperolehi dan mempelajari sesuatu peraturan atau sistem bahasa tetapi masih melakukan kesilapan.

Oleh itu menjadi tanggungjawab pendidik dan orang yang tahu untuk menegur orang yang melakukan kesilapan dan mengejutkan orang yang tidur nyenyak dengannya. Realiti ini menarik penulis untuk memilih tajuk ini sebagai kajian di peringkat Sarjana Pengajian Bahasa Moden.

1.3. Objektif Kajian

Penulis melakukan kajian ini secara amnya adalah untuk melihat sejauh mana tahap penguasaan KK bahasa Arab di kalangan pelajar sekolah menengah. Objektif-objektif utama kepada kajian ini ialah:

- i) Meneliti sejauh mana kefahaman pelajar terhadap konsep pembahagian KK dalam bahasa Arab.
- ii) Mengenal pasti tahap penguasaan KK dalam pembinaan struktur ayat.
- iii) Mengetahui penggunaan ABM yang berkesan kepada pelajar-pelajar dalam proses P&P di dalam kelas.

1.4. Batasan Kajian

Kajian yang dilakukan penulis adalah untuk menganalisis kesilapan pelajar dalam aspek nahu bahasa Arab. Penulis memfokuskan kepada aspek kata kerja bahasa Arab yang sering dilakukan kesilapan khususnya di kalangan para pelajar sekolah

menengah. Kajian ini adalah dilakukan ke atas 50 orang pelajar Sekolah Menengah Agama Shamsudiniah, Muar, Johor. Responden yang dipilih adalah pelajar-pelajar yang sedang belajar di tingkatan lima, kerana mereka adalah sampel dan responden yang sesuai untuk dijadikan penyelidikan. Alasannya mereka adalah merupakan golongan pelajar yang memberi tumpuan penuh kepada proses pembelajaran agar mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan penting iaitu SPM (Sijil Pelajaran Malaysia).

Sudut-sudut penguasaan dan kesilapan penggunaan kata kerja bahasa Arab yang hendak diketahui ialah mengenai aspek pembahagian KK dari sudut masa dan bilangan, imbuhan dan makna, huruf llah dan objek, ja:mid dan mutasarrif, sahih dan mu tal serta penggunaan kata kerja ma:di, muda:ri' dan amr, penukaran kata kerja dari satu pola kepada pola yang lain dan kata kerja lima. Penulis tidak membincangkan KK yang mabniyy dan ma lum kerana ia kurang digunakan dalam percakapan sehari-hari.

Manakala tentang pemilihan wazan, penulis hanya menghuraikan lapan jenis wazan yang kerap digunakan dalam bahasa Arab.

1.5. Tinjauan Terhadap Kajian Yang Berkaitan

Penulis memulakan kajian ini dengan membuat beberapa tinjauan kepada kajian lepas yang bersangkutan paut dengan kesilapan bahasa.

Muhamad bin Mustafa (1995) dalam disertasinya bertajuk , “ Masalah Dalam Pembelajaran Nahu Arab ”, menerangkan bahawa telah banyak percubaan-percubaan untuk mengatasi masalah dalam pembelajaran nahu Arab yang dilakukan oleh tokoh-tokoh nahu di zaman silam dan di zaman moden melalui pendekatan yang tertentu baik

secara peribadi atau kolektif. Beliau telah mencadangkan beberapa langkah untuk menyelesaikan masalah ini, antaranya ialah:

- i) Memperbetulkan konsep dan matlamat pembelajaran nahu Arab.
- ii) Mengembalikan penumpuan pembelajaran ilmu nahu kepada fungsi dan isinya yang sebenar.
- iii) Menyusun semula kurikulum dan buku pengajian nahu Arab.
- iv) Menggunakan pendekatan pembelajaran nahu moden.
- v) Merancang strategi latihan yang berkesan.

Sulaiman Hj Ismail (1996/1997) dalam disertasinya bertajuk, “ Analisis Kesilapan Frasa Adjektif Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar Melayu ”, telah menumpukan kajian tesisnya kepada satu topik khusus sintaksis bahasa Arab iaitu penggunaan KN adjektif dan KN substantif yang digunakan dalam bentuk frasa. Topik ini dirujuk sebagai **المعنى أو تعليل**. Permasalahan yang cuba diuraikan ialah yang melibatkan kesalahan penggunaan KN substantif dan KN adjektif dari sudut keserasian (agreement).

Ianya melibatkan 4 kriteria utama.

- i) Kepastian
- ii) Genus
- iii) Bilangan
- iv) Tanda kasus

Mohamad bin Awang (1996) dalam disertasinya bertajuk, “ Kaedah Pengajaran Bahasa Arab Di Peringkat Sekolah Menengah: Satu Tinjauan Tentang Sikap Dan Amalan Guru-Guru Bahasa Arab Di Sekolah Menengah Agama Bantuan ” turut

menyatakan kepentingan pendekatan dalam proses P&P khususnya dalam matapelajaran bahasa. Pihak kerajaan telah mengambil berat tentang perkembangan BA dengan menubuhkan beberapa buah sekolah menengah agama kebangsaan. Di sekolah-sekolah ini, matapelajaran bahasa Arab adalah wajib kepada semua pelajar. Beliau juga telah membuat kesimpulan faktor-faktor kecenderungan kebanyakan guru bahasa Arab di SMKA menggunakan kaedah gabung jalin dalam pengajaran mereka serta faedah dan kesan terhadap pelajaran dari kaedah itu.

Rusdi bin Arifin (1998) dalam disertasinya bertajuk, “ Satu Kajian Kesilapan Penggunaan Kata Sifat Bahasa Arab Dikalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Agama.” Beliau telah mengkaji dan menganalisis kesilapan penggunaan kata sifat bahasa Arab di kalangan pelajar Melayu di Sekolah Menengah Ugama (A), Yayasan Islam Kelantan. Di antara kesilapan yang sering dilakukan ialah kesilapan tatabahasa, kesilapan ejaan, kesalahan leksikal dan struktur ayat. Beliau juga telah menguraikan jenis-jenis kesilapan KS yang dilakukan oleh pelajar dengan mengemukakan contoh-contoh kesilapan dan disusuli dengan pembetulan.

1.6. Metodologi Penyelidikan

Penyelidikan ini mempunyai tiga proses yang dilalui iaitu pengumpulan data, analisis data dan rumusan.

1.6.1. Kaedah Pengumpulan Data.

Dalam kajian ini penulis menggunakan dua cara untuk mengumpulkan data dan maklumat :

i) Penyelidikan perpustakaan

Penulis menggunakan kaedah ini adalah untuk mengumpulkan data-data yang kebanyakannya berhubung dengan landasan teori. Penyelidikan perpustakaan tertumpu kepada bahan-bahan bercetak seperti kitab-kitab nahu, majalah-majalah dan kajian-kajian akademik.

ii) Penyelidikan lapangan

Penyelidikan lapangan ini digunakan oleh penulis melalui kaedah soal selidik dan ujian. Soalan soal selidik diedarkan kepada respondan untuk tujuan pengumpulan data. Respondan dalam penyelidikan ini terdiri dari pelajar-pelajar sahaja.

1.6.2. Analisis Data

Analisis data yang diambil akan melalui tiga peringkat (langkah).

i) Mengenal pasti tahap penguasaan KK.

ii) Mengkategorikan bentuk dan jenis penguasaan.

iii) Komentar dan merumuskan kaedah penyelesaian.

Selepas selesai data yang terkumpul dianalisis, penulis akan merumuskan dan mencadangkan strategi-strategi pembaikian yang sepatutnya diambil, demi kemajuan bahasa Arab. Bagi tujuan analisis data secara sistematik penulis menggunakan software SPSS yang dibangunkan oleh Smart Collection.

1.7. Sampel Kajian.

Sampel kajian terdiri daripada 50 orang responden (pelajar) tingkatan lima di Sekolah Menengah Agama Shamsuddiniah, Kg. Parit Medan, Kundang Ulu, Muar, Johor. Ianya terdiri dari 20 orang lelaki dan 30 orang perempuan.

1.8. Penggunaan Istilah

Penulis mengekalkan istilah-istilah yang ada dalam nahu bahasa Arab demi menjaga keaslian istilah tersebut. Ini memandangkan ada istilah-istilah dalam bahasa Arab yang tidak boleh di terjemahkan ke dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris dengan tepat.

Ayat al-Quran yang diterjemahkan dalam kajian ini adalah petikan dari Al-Quran al-Karim mengikut Rasm Uthmani. Manakala terjemahannya pula di petik dari kitab terjemahan Tafsir Pimpinan Al-Rahman terbitan Jabatan Perdana Menteri.

1.9. Penutup.

Konklusinya, kajian ini mencuba untuk mengetahui pencapaian pelajar terhadap kemahiran yang asas dalam menguasai pembahagian KK mengikut masa dan bilangan, imbuhan dan makna, huruf illah serta objek dan mengukur sejauh manakah keberkesanan kaedah yang sedia ada. Ia juga memudahkan pihak yang berkenaan menyusun strategi pengajaran dan pembelajaran dan seterusnya membuat penilaian. Selain itu kajian ini juga dapat meningkatkan kepekaan dan keperihatinan pendidik terhadap kesulitan yang dialami pelajar dalam mempelajari bahasa kedua.